

# Pusat akan tuntutan empangan Pergau lewat — PM

## ganti rugi projek


**K**UALA LUMPUR 5 Feb. — Kerajaan Pusat akan menuntut ganti rugi daripada Kerajaan Kelantan ekoran daripada kelewatan pembinaan projek Empangan Hidro Pergau di Jeli, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau menegaskan, tindakan kerajaan negeri menghalang pembinaan projek yang bernilai \$1.3 bilion itu bukan saja menyebabkan projek itu tergendala malah Kerajaan Pusat terpaksa membayar pampasan kepada pihak kontraktor.

"Oleh kerana kita kena bayar ganti rugi disebabkan oleh Kerajaan Kelantan, kita akan tuntutan bayaran itu daripada kerajaan tersebut," katanya kepada para pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Parti Gerakan sempena Tahun Baru Cina di Hotel Federal di sini semalam.

Perdana Menteri menjelaskan demikian sebagai mengulas tindakan negatif kerajaan Kelantan terhadap projek itu termasuk melewati proses kelulusan tanah dan merampas sebahagian daripada peralatan pembinaan projek tersebut baru-baru ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Sri S. Samy Vellu



**DATO' SRI DR. MAHATHIR**

sewaktu melawat kawasan projek itu Isnin lalu berkata, Kerajaan Kelantan perlu membayar pampasan \$450 juta setahun kepada kontraktor jika tindakannya menyebabkan projek itu tergendala.

Projek Empangan Hidro Pergau yang dibina oleh sebuah syarikat bumiputera secara usahasama dengan syarikat Kerajaan Belfour Beatty Cementation (KBBC) dari United Kingdom kini sudah 15 peratus siap.

Menurut Perdana Menteri, se-

belum ini Kerajaan Kelantan sudah menyatakan persetujuan untuk memberi kerjasama dalam menjayakan projek itu.

"Projek ini akan menguntungkan negeri Kelantan tetapi kalau ia tidak beri kerjasama, yang rugi ialah penduduk Kelantan juga," tambahnya.

Beliau menjelaskan, soal parti yang berlainan tidak patut dijadikan ukuran atau faktor untuk menghalang pelaksanaan sesuatu projek yang akan membawa banyak faedah kepada rakyat.

Ditanya adakah Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan lain, katanya, "kita tiada tindakan lain, kecuali dari apa yang dibenarkan oleh undang-undang."

Berhubung dengan lawatannya ke Kelantan yang dijadualkan pada bulan ini, beliau menjelaskan, lawatan itu mungkin dibatalkan.

"Lawatan saya bertujuan untuk mengadakan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan tetapi oleh kerana mesyuarat itu sudah diatur lebih awal di Kuala Lumpur, saya mungkin tidak melawat ke sana," katanya.